

---

Title	Membina minda dan budaya Melayu baru melalui perekayasaan pendidikan bangsa
Author(s)	Hadijah Rahmat
Source	<i>Jurnal e-Utama</i> , 1, 8-23
Published by	National Institute of Education

---

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.



## Membina Minda dan Budaya Melayu Baru melalui Perekayasaan Pendidikan Bangsa

Hadijah Rahmat

*“ I believe that current formal education still remains basically a preparation for the world of the past, rather than a preparation for possible worlds of the future. We have not figured out how to prepare youngsters so that they can survive and thrive in a world different than one ever known before.”*  
(Howard Gardner, 2006)

### Menilai Semula Nadi Pendidikan Bangsa

Konsep dan tradisi pendidikan bangsa atau orang Melayu amat kurang diteliti secara mendalam dan tuntas. Masih banyak ruang yang perlu disorot dan dikaji. Sejauh ini penelitian ilmiah mengenai pendidikan Melayu lebih mengambil pendekatan sejarah atau historis dengan penjelasan mengenai perkembangan sekolah Melayu sebagai suatu institusi formal yang dimulakan oleh pihak penjajah/mubaligh kristian melalui sekolah vernikular, atau pun pendidikan agama secara informal dan formal melalui sistem sekolah pondok/sekolah Arab/madrasah yang diterajui oleh para ulamak atau intelligentsia Melayu-Islam.

Sementara itu, penjelasan dan penyampaian budaya Melayu umumnya lebih bersifat preskriptif dengan huraian pengenalan terhadap konsep, jenis adat dan nilai-nilai murni Melayu yang unggul yang mahu diperkenalkan, dilestarikan atau diwariskan kepada generasi muda.

Pendekatan historisme dan idealisme budaya ini amat penting, tetapi belum dapat membantu kita memahami budaya Melayu selengkapnyanya dan menyediakan anak-anak Melayu sebaiknya, untuk menghadapi cabaran zaman, apatah lagi bagi ‘Merencanakan Lejangan Kemajuan Ummah’ dalam Dunia Melayu Dunia Islam yang dicitakan oleh seminar ini.

Fungsi dan tradisi pendidikan Melayu perlulah dinilai semula dengan saksama. Kertas kerja ini merupakan suatu usaha untuk menilai semula secara kritis falsafah, tradisi dan kedudukan pendidikan budaya Melayu ini, khususnya untuk meneliti kesesuaian dan keberkesanannya dalam konteks dunia global pada masa ini dan akan datang.

Pendidikan budaya Melayu akan dinilai dari aspek-aspek berikut:

1. Fungsi pendidikan budaya
2. Kandungan budaya (Isi dan Struktur budaya)
3. Produk pendidikan budaya (Cita Sempurna Budaya)
4. Proses Pendidikan budaya (Perekayasaan Budaya)

Berdasarkan penelitian penulis dalam bidang pendidikan dan pengajian Melayu selama ini, beberapa ciri dan kecenderungan dari segi pemahaman budaya dan amalan dalam proses pendidikan budaya Melayu telah dikenalpasti. Hasil penelitian ini cuba diringkaskan seperti berikut dan akan dikupas dalam perbincangan selanjutnya.

Pemahaman Budaya & Amalan Proses Pendidikan Budaya Melayu:

1. Konsep dan fungsi budaya yang beku dan peranan pendidikan untuk melestarikan 'kebekuan' budaya.
2. Tafsiran yang tempang dan tidak seimbang terhadap Cita Sempurna Melayu (Budiman).
3. Penekanan pada kulit dan struktur luaran budaya dan kurang pada struktur dalaman dan nilai progresif.
4. Sikap, minda dan mekanisme penakatan budaya yang pasif dan lemah.

### **Fungsi Pendidikan Budaya (Sekali Air bah, sekali Pasir/Pantai/tepiian Berubah)**

Budaya adalah sesuatu yang dinamik dan perlu berubah dengan perubahan masa, zaman dan kontek masyarakat. Bahasa dan kebudayaan Melayu telah mengalami evolusi budaya yang besar sejak 1500 tahun dahulu akibat penerimaan dua tamadun besar dunia, iaitu agama Hindu dan Islam. Akibat ciri-ciri keterbukaan dan kelenturan bahasa dan masyarakat Melayu, bahasa dan budaya Melayu mengalami perkembangan dan dapat diwarisi hingga kini. Hampir setiap generasi telah membuat penyesuaian terhadap bahasa dan budaya Melayu sesuai dengan lengkungan alam hidup mereka.

### **Penakatan Budaya (cultural survival) lwn Kemajuan Budaya (cultural thrival)**

Tujuan atau fungsi pendidikan budaya Melayu bukanlah untuk mengekalkan budaya Melayu, tetapi sepatutnya untuk membina budaya Melayu. Matlamat unggul kehidupan yang progresif bukanlah untuk mencapai penakatan budaya (cultural survival) tetapi penyuburan atau kemajuan budaya (cultural thrival). Kita harus arif mengenai ciri-ciri yang membentuk budaya dan jatidiri budaya Melayu, dan mengetahui teras budaya yang perlu disalurkan dan dipertahankan, serta ciri mana pula yang dibenarkan untuk dinilai semula, diubahelok dan terus dibina sehingga menjadi suatu proses kesinambungan yang dinamis dan progresif.

Norazit Selat (2001), sarjana dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, dalam tulisannya, berjudul "Adat Melayu: Kesinambungan dan Perubahannya", telah menjelaskan isu ini seperti berikut:

"Pertama, adat sebagai satu pegangan hidup atau khususnya, nilai dan norma yang menentukan perlakuan manusia yang dikenali sebagai Melayu akan

terus kekal sebagai satu kesinambungan. Kedua, adat sebagai satu cara hidup atau kebudayaan juga akan menghadapi dan mengalami banyak pengubahsuaian atau perubahan yang amat drastik atau ketara sekali. Adat tersebut, khususnya adat istiadat dan juga adat resam, adalah ibarat kata perbilangan, sekali air bah sekali pasir berubah....” (Norazit Selat, 2001:90)

“Di dalam aspek ini perubahan banyak berlaku kepada adat yang dianggap tidak menjadi asas kepada jatidiri Melayu. Adat yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah adat istiadat. Adat istiadat ini tidak dianggap fundamental, maka dengan itu sering berubah. Yang paling penting sekali ialah adat yang merupakan norma dan nilai masyarakat kerana di dalamnya terterap jatidiri Melayu.” (Norazit Selat, 2001:98)

### **Pemikiran Terima-suai Iwn Pemikiran Pro-Aktif dan Strategik**

Kita akur dengan perubahan yang sering dilakukan ke atas adat istiadat Melayu, sementara adat yang merupakan norma dan nilai yang menerapkan jatidiri Melayu dipercayai perlu didukung dan dikekalkan. Namun, benarkah nilai dan norma hidup Melayu tidak boleh diubah atau mengalami perubahan?

Kita perlu mempunyai falsafah dan fahaman yang progresif terhadap budaya dan ciri-ciri utama budaya Melayu. Fakulti akal atau pemikiran adalah satu aspek dasar yang tidak dapat diketepikan dalam proses pendidikan budaya. Manusia adalah makhluk pilihan yang dianugerahkan akal/intelek/daya kecerdasan dan perasaan untuk meningkatkan mutu hidup kita. Dalam bidang pendidikan, konsep kecerdasan telah mengalami tafsiran semula secara radikal apabila Howard Garner (1983) memperkenalkan teori kepelbagaian kecerdasan (multiple intelligences). Skop dan lapisan kecerdasan sudah diluaskan merangkumi pergerakan jasmani (bodily/kinesthetic), daya bayangan atau gambaran (visual/spatial), Bahasa/pertuturan (linguistic/verbal), perhubungan insan (interpersonal/social); musik/irama (musical/rhythmic), matematik/mentaakul logik; merenung/tafakur (intrapersonal), alamiah (naturalist) dan kerohanian (spiritual).

Proses pengisian dan peningkatan hidup memerlukan kita bertindak proaktif dan, merancang untuk masa depan. Pemikiran bercorak menerima-menyesuaikan (reactionary mentality) yang menjadi mekanisme hidup Melayu selama ini, ternyata kurang sesuai kerana ianya akan meletakkan budaya dan kehidupan kita terus di belakang. Namun, aspek pembinaan daya pemikiran, kecerdasan atau minda ini telah diabaikan dalam proses pendidikan budaya, sama ada secara formal dan informal.

### **Kandungan Budaza Melayu (Mengenali Teras dan Struktur Dalaman Budaya)**

Oleh itu isi kandungan budaya Melayu- sama ada yang bersifat isi teras atau isi kulit- perlulah kita fahami sepenuhnya supaya kita dapat melakukan fungsi dan proses pendidikan budaya dengan baik dan berkesan.

Peradaban Melayu selama ini telah mewariskan kita dengan sebuah konsep ‘budi’ dan ‘manusia budiman’. Menurut falsafah budaya Melayu, manusia yang unggul yang diidamkan oleh masyarakat ialah orang yang BERBUDI atau yang dianggap manusia BUDIMAN. Menurut Zainal Kling (1995) manusia Melayu melihat rupa dan paras jiwa berbentuk budi, iaitu satu peribadi yang mengandungi

akal dan rasa. Budi adalah alam jiwa dan daya adalah geraklaku fizikal. Peribadi Melayu berwajah budi mengandungi persoalan akal dan rasa. Budi dianggap sebagai struktur dalaman Melayu atau struktur batiniah yang terpancar dari satu Hikmah yang tertinggi (Tuhan).

“Budi mempunyai rumpunnya atau gugusan yang bersiratan iaitu akal-budi, budi-bicara, budi-bahasa, budi-pekeriti. Gugusan budi atau rumpun budi (budi complex) dapat dibahagikan kepada dua yang bersiratan antara satu sama lain, ibarat kulit dengan isi, luar-dalam, lahir-batin, jasmani-rohani, Kulit, luar, lahir, jasmani merupakan struktur luaran (*surface structure*) atau permukaan, fizikal, material, fiil, meliputi persoalan budi-pekeriti dan budi-bahasa. Isi, dalam, batin, rohani merupakan struktur dalaman (*deep structure*) meliputi akal-budi, hati-budi dan budi bicara....

“Gugus budi tersebut dimanifestasikan di dalam gugusan sosio-budaya dan spiritual yang meliputi: berbudi kepada Tuhan (Allah); berbudi kepada bangsa dan tanahair; berbudi kepada tanah (alam); berbudi kepada masyarakat dan budaya, berbudi kepada keluarga, dan berbudi kepada diri sendiri...

“Penerapan nilai budiman bertujuan untuk melahirkan manusia Melayu yang halus, berhati mulia, berakal, bijaksana, beradat, beradab, tahu membalas budi, cukup ajar dan sebagainya. Budi dan budiman ialah teras humanisme, morality dan etika Melayu, yang berpaksikan ketuhanan (ketauhidan) yang mampu meletakkan manusia ke darjat, harkat dan martabat tertinggi...Manusia Melayu yang memiliki nilai dan berorientasikan budi disebut sebagai manusia budiman yang melambangkan *a total personality, a perfect gentleman*. Dari konsep manusia budiman inilah lahir masyarakat budiman. Konsep budi dan budiman inilah teras kemanusiaan Melayu yang bukan *self-centred, man-centred*, tetapi juga berpaksikan ketuhanan (*God-centred*).” (Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan 1996:29-31)<sup>1</sup>

Betapa murni dan indahnya konsep budi Melayu ini yang melukiskan manusia unggul Melayu iaitu ‘manusia budiman’ yang memantulkan cita-cita budaya yang diukir hasil evolusi tamadun Melayu yang panjang. Adakah konsep ini masih relevan dan dapat dipertahankan? Adakah konsep-konsep hidup Melayu tersebut beserta nilai-nilai berkaitannya seperti nilai kesetiaan, budi bahasa, sopan santun, merendah diri, kejujuran, keikhlasan, gotong royong, berbakti pada tanahair dapat dipertahankan dalam konteks hari ini? Apakah bentuk, cara dan saluran yang terbaik untuk memelihara keunggulan Melayu itu? Yang penting adakah konsep ini akan membantu masyarakat Melayu menjadi ummah yang maju dan gemilang di tengah cabaran dunia global?

---

<sup>1</sup> Konsep budi dan peranan sastera dalam pengajaran sivik, moral dan pendidikan kebangsaan di Singapura telah dibincangkan oleh penulis sebelum ini. Lihat Hadijah Rahmat, 1998. “Mutiara Pada Telinga Budi, Permata Pada Cincin Hati” dalam jurnal pembinaan bahasa dan persuratan *SEKATA*, Majlis Bahasa Melayu Singapura, Jilid 11, hal.41-60.

## **Hidup Menabur Budi Bukan Berhutang Budi**

Sungguh pun konsep budi merupakan teras nilai unggul dan jatidiri Melayu, tidak bererti konsep ini terlepas dari penilaian semula. Secara unggul, konsep ini jelas murni dan perlu dipertahankan, namun yang perlu dinilai semula ialah fahaman atau interpretasi masyarakat Melayu sendiri terhadap konsep budi ini. Untuk itu renungilah kata-kata mutiara dari budayawan Melayu berikut:

“Kekuatan dan keindahan budaya Melayu terakam halus dalam pantun dan petatah-petitihnya. Melalui khazanah budaya tersebut kita dapat memahami dan menghargai ketinggian dan akalbudi orang Melayu. Budi, sebagaimana tercermin dalam pantun dan pepatah tersebut, menjadi sendi atau tunjang falsafah masyarakat Melayu yang begitu dimuliakan dan ingin diterapkan dalam kehidupan. Tetapi budi ini jugalah menjadi sumber kelemahan dan kejatuhannya. Ini kerana apabila seseorang Melayu sudah termakan budi, ia mudah diperalatkan. Generasi muda hari ini mesti memahami pengaruh budi ini dalam masyarakatnya. Untuk maju, kita jangan mudah menerima budi, tetapi kita haruslah berusaha untuk menabur budi.”

Demikianlah inti ucapan Bapak Teenas Effendy, budayawan Riau dalam Dialog Selatan 1 di Johor Baharu pada 26 Januari 1992. Kita seringkali dimegahkan dengan pengetahuan mengenai keistimewaan budaya kita sehingga kita sering terlupa akan kemungkinannya sebagai sumber pemusnah utama. Dwifungsi budi dalam masyarakat Melayu ini perlu diberi penelitian yang wajar agar kita tidak terjebak dalam singgahsana budaya sendiri.<sup>2</sup>

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab generasi kini untuk menilai semula dan memberi makna baru terhadap konsep budi yang diunggulkan oleh budaya kita. Makna dan bentuk budi perlu diberi nafas baru sesuai dengan perubahan dan tuntutan zaman baru, supaya kita dapat terus menjunjung fungsi kekuatannya dan bukan memikul bebanan akibat fungsi kelemahannya. Kita berada dalam arus peradaban baru, arus globalisasi yang rencam dan penuh mencabar. Kita berada dalam dunia yang bersandarkan sepenuhnya pada ilmu dan teknologi maklumat baru. Konsep Budi dan bentuk manusia budiman Melayu baru kita perlu diberi suntikan ilmu baru dalam sistem masyarakat dan ekonomi bersandarkan ilmu (*knowledge-based society* atau *knowledge-based economy*). Aspek keilmuan budaya perlu ditekankan untuk mengisi tugas baru memperkasakan budaya kita, bukan hanya memperkenalkan dan mengekalkan warisan budaya, dan amat penting sekali untuk menghasilkan golongan elita atau golongan yang arif budaya. Melalui pendidikan formal Bahasa Melayu di sekolah atau pendidikan informal di rumah atau lengkungan sosial Melayu, fungsi dan bentuk menabur budi yang bermakna dan berkesan perlu diterapkan dan juga generasi muda dapat dididik untuk keluar dan bebas dari lingkaran berhutang budi yang merantai masyarakat selama ini.

## **Konsep Adab dan Peradaban**

Selain penilaian semua konsep budi, perlulah direnung semula mengenai konsep kesantunan dan permasalahan adab dalam hidup hari ini. Ada banyak lagi contoh kebiadaban yang dapat terdapat dalam kehidupan harian kita. Marilah kita teliti isu

---

<sup>2</sup> Rujuk dalam buku Hadijah, *Sastera dan Manusia Melayu Baru*, 1998:iii.

ini yang merupakan gejala krisis budaya yang perlu diatasi melalui pendidikan budaya.

Istilah 'adab' dikatakan berasal dari akar kata 'a-d-b' yang bermaksud kehalusan, pembawaan yang baik, tingkah laku yang baik, sopan santun, tatasusila, kemanusiaan dan kesusasteraan. Dari akar kata yang sama terbit pula istilah 'adib' yang bermaksud berbudaya, berperilaku halus atau berpendidikan (M. Dawam Rahajo 1999:337) Dari akar kata tersebut, terbentuklah istilah 'peradaban' atau tamadun yang sering digunakan untuk merujuk hal yang lebih kurang sama. Konsep 'peradaban' lebih menyentuh tentang aspek pembangunan dari segi kemanusiaan dari segi dalaman dan luaran, khususnya dari segi sikap, falsafah, pemikiran, nilai, emosi, tindakan, kelakuan atau keperibadian manusia sebagai makhluk dan kelompok sosial yang berakal, berilmu dan berbudaya tinggi.

Syed Muhammad Naguib Al-Attas (1979) telah memberi kupasan mengenai konsep dan permasalahan adab di kalangan masyarakat Islam. Beliau menganggap konsep adab ini amat penting dalam pendidikan Islam. Malah, matlamat pendidikan Islam ialah untuk melahirkan insan yang baik (*good man*), melalui pemupukan adab (*ta'dib*) secara menyeluruh, merangkumi rohani dan jasmani. Ini telah ditegaskan oleh Nabi Muhammad, SAW, sendiri dalam sebuah hadis Baginda:

*"My Lord, educated (addaba) me and made my education (ta'dih) most excellent."*

Syed Muhd Naguib Al-Attas menjelaskan makna adab seperti berikut:-

*"Adab refers to recognition and acknowledgement of the right and proper place, station and condition in life and to self-discipline in positive and willing participation in enacting one's role in accordance with that recognition and acknowledgement..."* (1979:2)

Beliau menafsir adab sebagai pengenal-pastian dan pengiktirafan yang betul dan patut terhadap sesuatu tempat, martabat dan keadaan kehidupan dan suatu aturan kepada diri seseorang yang mengamalkan pengiktirafan tersebut. Adab ini dianggap sebagai suatu tatacara atau disiplin kehidupan. Kehilangan adab dijelaskan oleh beliau sebagai permasalahan disiplin insan yang tidak tahu kedudukan dirinya di tengah susunlapis kehidupan. Disiplin ini merangkumi jasad, minda dan jiwa insan dan kewujudan yang tersusun secara berhierarki:

*"Loss of adab....referring to the loss of discipline – discipline of body, mind and soul, the discipline that assures the recognition and acknowledgement of one's proper place in relation to one's self, society and community; the recognition and acknowledgement of one's proper place in relation to one's physical, intellectual, and spiritual capacities and potentials; the recognition and acknowledgement and being are ordered hierarchically "* (S Naguib al-Attas, 1979:2)

### **Memupuk Adab atau Kesantunan?**

Konsep adab tersebut membawa kita kepada konsep yang hampir serupa yang menjadi nilai pegangan Melayu sejauh ini, iaitu konsep kesantunan. Santun ditafsirkan sebagai 'halus budi pekerti, beradab, sopan'; 'menaruh belas terhadap penderitaan orang' dan 'suka memberi pertolongan' (T. Iskandar, *Kamus Dewan*, 1970:1015). Berdasarkan tulisan dan kupasan mengenai hal ini, seolah-olah dalam pemahaman

budaya Melayu, penekanan diberikan pada aspek tata atau aturan bahasa (budi bahasa) dan kelakuan/amalan (budi pekerti) dan sifat keprihatinan terhadap perasaan (hati) dan kesusahan orang lain (kesejahteraan sosial). Konsep susunlapis atau hierarki dari segi intelek, keilmuan dan kerohanian, sungguhpun terdapat dalam sistem nilai murni Melayu, kelihatan agak kurang ditekankan. Ini menyebabkan tafsiran masyarakat umum masih pada aturan atau disiplin/hierarki yang bersifat luaran, seperti kelembutan, sopan santan dan kehalusan bahasa dan pekerti. Amat kurang pula penekanan pengiktirafan pada hierarki intelek, ilmu dan rohani, seperti yang ditekankan oleh Islam melalui konsep adab tadi. Ini mengakibatkan timbul gejala di mana seseorang yang berilmu tidak diberi pengiktirafan yang wajar berbanding dengan orang yang berpangkat atau berkuasa. Kekeliruan terhadap nilai dan hierarki ilmu ini juga menyebabkan orang-orang yang tidak tulen ilmu atau murni budinya, mendapat pengiktirafan atau anugerah yang tidak sewajarnya.

Sebenarnya, nilai ilmu juga diberi martabat yang tinggi dalam budaya Melayu dan menuntut ilmu juga digalakkan. Semasa zaman Hindu, kedudukan ilmu agak elitis kerana ilmu dikuasai oleh golongan elite seperti para Brahmin di istana. Bahasa tulisan seperti bahasa Sanskrit juga hanya dipelajari dan diketahui oleh golongan kecil masyarakat. Kebanyakan masyarakat atau rakyat menguasai bahasa lisan dan menikmati sastera rakyat secara lisan. Selama 1000 tahun orang Melayu menganut agama Hindu tetapi bentuk ilmunya agak terbatas dan mereka hanya menikmati budaya kesenian yang bersifat popular dan bukan falsafah Hindu yang tinggi.

Hanya dengan penganutan Islam, konsep dan pengaruh ilmu sudah lebih meluas dan merakyat kerana tuntutan yang diberikan oleh Islam terhadap individu Islam untuk mengaji al-Quran dan mempelajari ilmu agama. Islam, menurut SM Naguib al-Attas, telah menukar pemikiran orang Melayu dari dunia mitos kepada dunia menekankan ciri akal dan kebijaksanaan kepada masyarakat Melayu. Penegasan pada ilmu ini jelas dalam kalimah 'Iqra' atau 'Bacalah'. Malah, Islam telah membawa kesan besar terhadap kemahiran atau ilmu bertulis dan sastera Melayu, kerana « Islam adalah suatu agama yang bersifat kebudayaan sastera yang saintifik (S M Naguib Al-Attas) Untuk mengatasi kegenjutan ini dan mencapai keseimbangan dari segi susunan sistem nilai murni Melayu, saya rasa aspek pengiktirafan pada susunlapis dalaman ini perlu dikukuhkan.

Pengenalpastian dan pengiktirafan hierarki intelek, ilmu, rohani dan jiwa ini perlu diberi tumpuan dalam tahap pendidikan bahasa dan budaya selanjutnya. Dengan penekanan pada aspek struktur dalaman budaya ini, khususnya pada aspek ilmu dan intelegnya, budaya Melayu dapat dibina dan disuburkan menjadi suatu peradaban yang lebih tinggi, menyeluruh dan utuh. Ini juga adalah prasyarat ketahanan diri yang ampuh untuk menghadapi tantangan dari budaya-budaya luar dan asing yang kian hebat bermain di halaman rumah dan menggugah dinding pertahanan rumah budaya kita. Pada masa yang sama, ini juga menyokong dasar pendidikan negara yang mahu menekan pemikiran yang kritis dan kreatif.

### **Memupuk Nilai-nilai Progresif Melayu**

Masyarakat Melayu di seluruh dunia Melayu sudah semakin terdedah dan dirempuh oleh nilai-nilai hidup dari luar merata dunia. Tanpa kekuatan minda dan ilmu yang kental serta sistem nilai diri yang utuh, rempuhan nilai-nilai pelbagai arah yang saling bercanggah ini menyebabkan kita mengalami krisis kekeliruan nilai. Generasi muda Melayu memerlukan panduan dan pemupukan nilai yang lebih jelas



dan teratur, sama ada dari institusi keluarga, sekolah atau pertubuhan sosial yang lain. Lantas, inilah salah satu punca rentetan masalah sosial yang dihadapi masyarakat. Sistem nilai dan penilaian kita perlu dibetulkan.

Selain penekanan pada nilai ilmu, perlu juga kita mengenalpasti nilai-nilai murni Melayu yang progresif untuk pembinaan budaya seterusnya. Jika diteliti nilai-nilai Melayu, memang banyak yang baik dan murni. Namun, pemilihan dan huraian yang positif perlu dilakukan terhadap sistem nilai yang telah diwarisi ini untuk dinilai semula dan disesuaikan dengan keperluan hidup kini dan pada masa depan. Misalnya, nilai menuntut ilmu, nilai tanggungjawab, berusaha gigih, nilai merantau ke alam baru, nilai kebenaran, nilai keluarga, nilai gotong royong dll. Langkah seterusnya, ialah suatu program penyemaian dan penyaluran nilai yang lebih terarah dan teratur serta mekanisme untuk memantau dan memastikan pendidikan nilai ini dapat dilaksanakan dan dicapai dengan berkesan.

### **Produk Pendidikan: Cita Sempurna – Melayu Budiman & Insan Arif Budiman**

Bangsa atau masyarakat Melayu memerlukan suatu visi budaya yang lebih ampuh untuk benar-benar mengisi kehidupan masa depan yang lebih mencabar. Untuk mengatasi persoalan kekeliruan nilai dan tafsiran intipati budaya yang tempang selama ini, visi baru yang ingin diutarakan ialah Visi Arif Budiman.

Pihak Kementerian Pendidikan Singapura telah membentuk Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) pada Disember 2004 untuk membuat penilaian dan rombakan yang menyeluruh terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Bidang tugas MLCPRC ini ialah untuk mengemukakan saranan dari segi objektif, isi, struktur kurikulum, pedagogi, penilaian dan pelaksanaan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah Singapura.

Setelah membuat penilaian yang menyeluruh selama hampir setahun, pada 4 November 2005, Jawatankuasa ini telah mengemukakan saranan mereka dalam kurikulum dan pedagogi bahasa Melayu. Salah satu saranan utama ialah sebuah visi khusus untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu – iaitu Visi Arif Budiman. Saranan-saranan dasar jawatankuasa Semakan ini telah pun diterima oleh pemerintah pada 8 November 2005 dan kini saranan tersebut dalam tahap pelaksanaannya, yang dijangkakan berjalan bertahap-tahap selama 5 tahun.

Rombakan dalam kurikulum Bahasa Melayu 2005 ini penting untuk memastikan yang kurikulum dan kaedah pengajaran bahasa Melayu dapat terus relevan, berkesan dan ditingkatkan selaras dengan perubahan dalam sistem pendidikan dan persekitaran, sebagai strategi untuk menyediakan diri kita menghadapi cabaran hidup kini dan masa depan yang amat mencabar. Ini kerana lanskap pendidikan sentiasa berubah pantas akibat perubahan ilmu pengetahuan, teknologi maklumat, dan latar pelajar, guru dan juga kehidupan.

Satu lagi sebab ialah faktor latar keluarga atau profil pelajar yang telah berubah. Semakin ramai pelajar yang datang dari keluarga dwibahasa atau bertutur Inggeris di rumah. Tahun 1996, jumlah pelajar Pr 1 dari keluarga yg bertutur bahasa Inggeris ialah 17%; tahun 2005, jumlah ini meningkat menjadi 28%. Pendekatan mengajar kumpulan pelajar dari keluarga dwibahasa ini tidak sama, berbanding dengan pelajar dari keluarga yang bertutur bahasa Melayu. Jika kita tidak melakukan

sesuatu atau hanya meneruskan apa yang kita lakukan, kita akan ketinggalan, mutu bahasa dan budaya kita akan merosot, beku, mundur dan rendah martabatnya. Jika rendah mutu bahasa, maka rendahlah mutu budaya dan martabat bangsa. Bahasa adalah jiwa bangsa.

Satu lagi sebab ialah cabaran yang timbul akibat perubahan pada lanskap budaya-budaya luar yang mengelilingi budaya Melayu. Budaya popular Barat begitu kuat mempengaruhi generasi muda (MTV) seluruh masyarakat dunia, lebih gagah daripada budaya ilmu dan corak ekonomi baru dunia yang diperkenalnya. Pada masa yang sama berlaku kebangkitan semula budaya Asia-Pasifik, khususnya Asia Timur dan India, menyusuli pembangunan ekonomi baru mereka kini dan kesan kuasa baru Asia ini akan lebih ketara dalam era atau alaf mendatang. Jika budaya Melayu tidak diperkasakan, budaya kita akan terhimpit dan terpinggir jauh akibat rempuhan budaya-budaya baru dunia ini. Oleh itu, suatu penilaian dan penyusunan semula (cultural realignment) dan pembinaan strategik atau perekayasaan budaya Melayu (cultural engineering) perlu dilakukan. Rombakan dalam pendidikan bahasa dan budaya di sekolah adalah salah satu prasyarat ke arah matlamat jangka panjang usaha untuk melestari dan memperkasakan budaya Melayu ini.

Apakah implikasi rombakan ini?

Rombakan dalam kurikulum bahasa Melayu kali bertujuan untuk mengukuhkan fungsi dan peranan bahasa ibunda sebagai pembina budaya dan jatidiri bangsa Melayu. Ini adalah fungsi pokok polisi pendidikan bahasa ibunda di Singapura. Saranan-saranan yang dikemukakan mahu meningkatkan tahap pencapaian bahasa dan budaya Melayu supaya bahasa dan budaya Melayu dapat terus dimajukan, dibina secara tetap sehingga menjadi bahasa dan budaya yang kaya dan dinamis. Matlamat pendidikan bahasa bukan hanya untuk mengekalkannya, tetapi terus membina dan memperkasa bahasa dan budaya. Ini hanya dapat dicapai bila kita berjaya menghasilkan para arif budiman bahasa dan budaya yang dapat menyumbang dalam bidang ini dan juga masyarakat umum yang memelihara dan menghargai bahasa.

Rombakan kurikulum baru diharapkan mampu meningkatkan mutu bahasa dan budaya Melayu ke tahap perkasa dalam konteks masyarakat majmuk Singapura, pembangunan negara dan dunia global yang berubah.

### **Cita Sempurna – Visi Arif Budiman**

Apakah yang dimaksudkan dengan Visi Arif Budiman ini?

Konsep ARIF BUDIMAN merupakan suatu konsep pembangunan diri yang menyeluruh (holistic), merangkumi struktur dalaman dan struktur luaran diri seseorang:

STRUKTUR LUARAN [kearifan/*wisdom* bahasa dan kelakuan] – dari segi bahasa boleh dimanifestasikan dari segi 'budi bahasa', sementara dari segi kelakuannya, ialah 'budi pekerti' atau kesantunannya.

STRUKTUR DALAMAN [Kearifan indera dalaman]—ini dimanifestasikan dari segi minda (akal budi), dari segi emosi (hati-budi), dan system penilaian (budi bicara) seseorang sebagai yang berilmu dan beradap.

INSAN ARIF BUDIMAN—yang dimaksudkan haruslah mempunyai ilmu pengetahuan (misalnya dari segi bahasa dan budaya) dan kebijaksanaan/kearifan dari segi luaran dan dalaman, yang merangkumi sikap, kemahiran, ilmu, kecerdasan dan kelakonan/keterampilan diri dll. Ia adalah contoh baik lagi terpuji insan berilmu dan berperadaban tinggi yang tulen.

Falsafah atau nilai yang ditekankan oleh orang Melayu terhadap konsep insan Arif Budiman ini, terakam dalam sebuah ungkapan Melayu berikut:

“Arif Bertemu dengan Budiman, Terindah daripada Lautan Mutiara.”

Ungkapan ini amat dalam maknanya. Setiap satu ciri ini- arif dan budi, mempunyai nilainya yang tinggi dalam masyarakat. Tetapi jika kedua-dua ciri itu dimiliki (arif + budiman)—tentu sekali nilainya adalah lebih besar dan tinggi daripada segala kekayaan di dunia.

Cita sempurna Melayu-Islam ini juga diutarakan oleh Hamzah Fansuri, penyair dan ulamak besar Dunia Melayu pada abad ke-16 dalam sebuah syairnya yang popular:

Hai muda arif budiman  
Hasilkan kemudi dengan pedoman  
Alat perahumu jua kerjakan  
Itulah jalan membetuli insan

(Hamzah Fansuri, “Syair Perahu”)

Namun, tidak mudah dicapai ciri dan visi ini. Kalau kita mahu memupuk seseorang untuk menjadi Arif Budiman, kita perlukan pemahaman dan pendekatan yang luas. Berdasarkan visi ini tugas guru bukan setakat melahirkan insan yang arif bahasa Melayu (tahu bahasa), tetapi membina ciri -ciri budiman yang lebih luas (budi bahasa, budi pekerti, akal budi, hati budi, budi bicara). Ciri-ciri mulia insan budiman amat berbeza dengan dengan insan yang hanya tahu bahasa, reti bahasa, yang hanya terbatas pada pengetahuan dan pemahaman bahasa atau tuturkata saja.

Jawatankuasa Semakan ini juga telah menggariskan tiga tahap utama untuk mencapai visi Arif Budiman ini selaras dengan proses pembelajaran dan tahap kematangan pelajar:

**ARIF BUDIMAN –  
Insan Berpengetahuan Yang Menyumbang Kepada Masyarakat**

**Pra-Universiti –**  
Membina bahasa dan budaya Melayu secara kreatif  
dalam kesediaan menghadapi cabaran dan peluang dalam dunia yang berubah

**Menengah –**

Mendalami dan menghargai bahasa dan budaya Melayu  
dalam pelanjutan pembangunan Negara

**Primari –**

Mengenali dan memahami bahasa dan budaya Melayu  
sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk Singapura

Faktor kehidupan masyarakat majmuk, keperluan pembangunan nasional dan keadaan dunia yang berubah telah diambil kira dan tidak boleh diketepikan. Ini kerana budaya Melayu yang ingin dibina, melalui sistem pendidikan bahasa dan budaya Melayu ini, diharapkan menjadi suatu wacana kehidupan yang responsif, dinamik dan progresif sehingga menjadi unsur dinamik pembangunan nasional dan rantau.

Visi Arif Budiman ini telah dijadikan visi dalam kurikulum bahasa Melayu Singapura mulai 2006. Namun, ia juga perlu diluaskan di luar dunia persekolahan formal yang kecil, tetapi perlu merangkumi keseluruhan proses pendidikan masyarakat keseluruhannya sebab ciri-ciri keunggulan atau cita sempurna yang dirancang bersifat fundamental dan dapat mengisi keperluan dan cita budaya masyarakat pada umumnya.

**Ciri Kearifan dan Proses Pendidikan Budaya – Membina Minda Melayu Global Masa Depan**

Selain visi atau cita sempurna yang syumul, perlu juga dipastikan kita mempunyai proses pendidikan budaya yang betul dan berkesan, khususnya dalam membina minda Melayu yang diperlukan. Ciri-ciri kearifan atau jenis minda global akan dijelaskan. Sebelum itu baiklah kita renung pandangan tokoh pendidikan ulung dunia ketika ini:

*"I discern two legitimate reasons for undertaking new educational practices. The first reason is that our current practices are not actually working.... The second reason is that conditions in the world have changed significantly."*

*"I believe that current formal education still remains basically a preparation for the world of the past, rather than a preparation for possible worlds of the future."*

*"We have not figured out how to prepare youngsters so that they can survive and thrive in a world different than one ever known before." (Howard Gardner, 2006)*

Howard Gardner (2006), telah mengenalpasti dan mengemukakan 5 jenis minda yang diperlukan untuk kehidupan akan datang.

**LIMA MINDA**

1. Minda berdisiplin (*Disciplined mind*)
2. Minda menggabungkan (*Synthesizing mind*)
3. Minda mencipta (*Creating mind*)
4. Minda menghormati (*Respectful mind*)

## 5. Minda beretika (*Ethical mind*)

### MINDA BERDISIPLIN (Kepakaran/kesarjanaan)

Minda mestilah didisiplinkan dalam tiga lapisan makna atau cara. Seseorang insan itu mestilah mampu berfikir mengikut disiplin ilmiah/bidang kesarjanaan seperti sejarah, matematik, sains dan kesenian. Ia seharusnya mempunyai sekurang-kurangnya satu jenis kepakaran dan mempunyai tabiat/kebiasaan lakuan untuk mengaplikasikan ilmunya secara berterusan sehinggalah pembelajaran berlaku sepanjang hayatnya.

### MINDA MENGGABUNJALINKAN (Mengusai/memanfaat maklumat)

Menurut Nobel laureate Murray Gell-Mann, dalam abad 21, minda yang paling penting ialah minda menggabungjalinkan (*the Synthesizing Mind*). Para individu terdedah pada jumlah informasi yang amat besar/banyak. Oleh itu kita perlu bijak membuat keputusan untuk menentukan mana yang penting dan bagaimana cara yang terbaik untuk mengatur atau mengurus maklumat untuk diri dan menggunakannya untuk berkomunikasi dengan yang lain sehingga semuanya menjadi sehati (*automated*) dalam diri.

### MINDA MENCIPTA (*CREATING MIND*) – Ciptaan luar biasa!

Barisan minda yang paling terkecuali ialah minda yang mencipta idea baru...berfikir di luar kotak kebiasaan. Cara pemikiran sedemikian menjangkau disiplin ilmu yang tertentu dan perlu mempunyai kebolehan menggabungjalinkan tetapi tidak dibataskan/hambat oleh sesuatu yang pernah difikirkan dan dilakukan sebelum ini.

### MINDA MENGHORMATI (*RESPECTFUL MIND*) – Hormati kelainan

Minda Menghormati ini menjangkau tahap toleransi. Seseorang yang mempunyai minda menghormati ini mengalu-alukan kepelbagaian manusia/insan, memburu untuk memahami dan bekerja dengan orang lain, dan memupuk suasana yang terbuka serta saling menerima (*reciprocity*).

MINDA BERETIKA (*The ETHICAL MIND*) – warga dunia/Pembina kemanusiaan sejagat  
Minda beretika dibina atas landasan rasa hormat tetapi ia mempunyai sikap yang lebih abstrak atau tinggi. Individu yang beretika mentafsir peranan dirinya sebagai pekerja dan warga negara. Mereka melaksanakan tugas dengan baik...kerjanya cemerlang, beretika dan bermakna pada dirinya. Mereka menganggap diri mereka sebagai warga masyarakat, rantau dan dunia dan bertindak secara membina, bukan dengan cara yang mementingkan diri (*non egocentric ways*).

### MEDAN MINDA (*Cognitive, Social, Affective*)

Jenis minda ketiga yang awal adalah dalam medan kognitif. Dua minda yang terakhir (Menghormati dan beretika) pula berkaitan dengan dunia individu lain, oleh itu ia bersifat social dan emosi (*affective*).

### PERTENTANGAN MINDA (*TENSION BETWEEN MINDS*)

Tidak mudah untuk membina setiap jenis minda tersebut. Terdapat pertentangan (*tension*) antara minda-minda ini. Misalnya rasa menghormati yang melampau akan menghambat daya kreativiti. Oleh itu untuk membolehkan minda-minda ini berfungsi bersama, adalah suatu cabaran untuk menggabungjalinkannya.

Pendidikan pada dasarnya dan tidak dapat dinafikan suatu isu tentang matlamat insan dan nilai-nilai manusia (*"Education is inherently and inevitably an issue of human goals and human values"*). Beliau mengharapkan agar aspek pembinaan minda masa depan ini mendapat perhatian para penggubal polisi atau pemimpin .


*"I wish that this statement were mounted prominently above the desk of every policy-maker."* (Howard Gardner 2006)

Lima jenis minda ini berlandaskan atau dapat berfungsi dalam latar atau konteks dunia antarabangsa atau pentas global yang terbuka pada semua pengaruh pelbagai budaya dari merata arah dan corak, rencam dan lebih kompleks dan mencabar berbanding dengan corak minda yang serupa tetapi hanya dapat beroperasi dalam lengkungan atau liga kecil yang seragam dan tertutup. Lima ciri ini (minda berdisiplin, minda menggabungkan, minda mencipta, minda menghormati dan minda beretika) sudah bertunas dalam dunia Melayu tetapi pada tahap rumpunan kecil dan perlu dibina supaya dapat berfungsi pada lapisan tinggi atau liga antarabangsa atau dunia global yang besar. Inilah ciri-ciri kearifan yang perlu dibina di kalangan generasi Melayu baru.

### Saranan – Model Pendidikan Budaya Melayu Baru

Berdasarkan semua unsur dan faktor penentu yang diutarakan, sebuah model pendidikan budaya Melayu baru ingin disarankan (rujuk rajah di bawah). Model ini lebih merupakan rangka konsep awal dan ianya perlu diperhalusi dan dilengkapi dengan program atau rekayasa pendidikan budaya yang lebih tuntas dan teratur.

## MODEL PENDIDIKAN BUDAYA MELAYU



### **Peralihan Paradigma Budaya Melayu**

1. Penekanan pada fungsi pembinaan bukan pelestarian budaya.
2. Penekanan pada teras dan struktur budaya yang betul dan seimbang
3. Konteks budaya perlu diluaskan dari tahap rumpun ke tahap jagat/antarabangsa
4. Cita sempurna Melayu baru: Insan Arif Budiman
5. Arah dan matlamat pendidikan menuju ke pembangunan ummah dan pembinaan Peradaban
6. Perlu Perekayasaan pendidikan budaya yang teratur dan berkesan.

### **Kesimpulan**

Minda dan budaya Melayu bukan untuk dilestarikan sahaja, tetapi perlulah terus ditingkatkan dan diperkasakan supaya menjadi minda dan budaya global yang hidup segar dan maju di samping budaya-budaya lain. Ini memerlukan proses pendidikan budaya yang betul dan berkesan melalui perekayasaan budaya yang lengkap, teratur, bukan sahaja dalam sistem pendidikan bahasa di sekolah, tetapi sistem pendidikan dan proses sosialisasi masyarakat yang lebih luas, menyeluruh dan berkesan.

Untuk itu, peralihan paradigma budaya harus dilakukan. Cita sempurna Melayu perlu diangkat dari tahap rumpunan ke tahap antarabangsa atau kesejagatan. Dari manusia Melayu budiman yang hanya puas dan selesa dalam halaman kampung atau rumpun Melayu yang kecil, kita perlu melahirkan insan arif budiman, yang mampu melejang, bersaing dalam gelanggang atau medan dunia antarabangsa yang sengit.

Kita tidak sekejar mahukan generasi yang berbudi bahasa atau bersopan santun, tetapi perlu menghasilkan generasi Melayu baru yang berilmu, mempunyai nilai progresif, beradab dan berperadaban tinggi dan berbakti kepada bangsa, negara dan dunia antarabangsa. Perekayasaan budaya kita perlu diusahakan segera dengan misi pendidikan utama untuk membina dan menghasilkan golongan para pemikir atau anggota masyarakat yang mempunyai minda berdisiplin, menggabungjalin, mencipta, menghormati dan beretika yang dapat berfungsi dan dinobat dalam dunia Melayu dunia Islam saja, tetapi diiktiraf sebagai warga dunia yang berjaya, berbakti dan dihormati. Arah dan matlamat pendidikan budaya kita haruslah menuju kepada pembangunan ummah dan pembangunan peradaban dunia.

Cita sempurna atau visi budaya dan perjalanan budaya kita masih jauh dan misi perjuangan memajukan ummah belum sebenarnya bermula. Semoga kita diberi kesedaran, petunjuk, kekuatan dan keyakinan untuk melaksanakannya.

## Rujukan

- Abdul Latiff Abu Bakar, 2001. *Adat Melayu Serumpun*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).
- Gardner, Howard, 1983. *Frames of Mind. The Theory of Multiple Inteligences*.
- Gardner, Howard, 2006. "The Five Minds of the Future," Logotron Limited, Cornerstone Visual Thinking, Cambridge, [online] 15 Jan 2007.
- Hadijah bte Rahmat, "Membina Semula Rumah Budaya Melayu di Perkampungan Jagatraya - Visi Pendidikan Bahasa Melayu pada Tahap Selanjutnya" kertas Seminar Kementerian Pendidikan Singapura, 24 Sep 2005.
- Hadijah Rahmat, 2005."Monyet di Atas Pokok- Kenyataan dan Cabaran Pendidikan Bahasa dan Sastera di Singapura" dalam *Bicara Ilmiah, Wacana Bahasa dan Sastera Melayu*. S'pura:NIE, hlm.203-230.
- Hadijah Rahmat, "Nyala Sastera Nusantara di Tengah Peradaban Dunia," Ucapan Perasmian Perkhemahan Sastera MLEP, Anjuran Unit Bahasa Melayu, CPDD, MOE dan TPJC, 7 Jun 2005, di Institut Kepemimpinan Masyarakat Nasional.
- Hadijah Rahmat, 2006. "Visi Arif Budiman -Peranan dan Cabaran Pengajaran Sastera Dalam Pendidikan Bahasa Melayu" kertas Sembang-Sembang Bahasa dan Pelancaran Buku PPSK anjuran PGBM, Sabtu, 4 Nov 2006, Perpustakaan Nasional S'pura
- Kementerian Pendidikan Singapura, 2004. *Sukatan Pelajaran Sastera di Sekolah Menengah Singapura*.
- Kementerian Pendidikan Singapura, 2002. *Matlamat penerapan Komponen Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu*.
- Muhammad Ariff Ahmad, 1993. *Bicara Tentang Adat dan Tradisi*. S'pore: Pustaka Nasional Pte.Ltd.
- Muhd Ariff Ahmad, 2004. *Mari Kita Berpantun (Suatu Petunjuk)*. S'pore: Majlis Bahasa Melayu Singapura.
- Muhd Naguib Al-Attas, 1979. *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah, Saudi Arabia: Hodder and Stoughton.



- Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan, 1996. "Pantun Budi: Satu Analisis Nilai" dalam Wan Ab.Kadir Wan Yusof. *Pantun – Manifestasi Minda Masyarakat*. K.L.: Akademi Pengajian Melayu, pp. 27-47.
- Norazit Selat, 2001, "Adat Melayu:Kesinambungan dan Perubahannya", dalam Abdul Latiff Abu Bakar, *Adat Melayu Serumpun*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).
- Rahim Syam dan Norlie, 1985. *Mendekati Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya, Malaysia:Fajar Bakti.
- Report of the Malay Language Curriulum and Pedagogy Review Committee*, 2005. Kementerian Pendidikan Singapura.
- Teachers TV Associates, UK, "RSA Lectures in London, Howard Gardner, Future Minds", [online] 7 April 2007. <http://www.teachers.tv/video/5452>
- Tenas Effendy, 1989. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur:DBP.
- Tenas Effendy, 2000. *Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur:DBP.
- Yogarah, Yogini, "Asia-Pacific Conference On Giftedness", perkongsian profesional dalam, *The Exchange*, the Gifted Education Programme Newsletter, Nov. 2006, pp.19-21.